

Amalan Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dan Pengetua Dua Buah Sekolah Di Daerah Batu Pahat, Johor.

M. Al-Muz-Zammil B. Yasin & Nazri Bin Mahmood

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan oleh penyelidik bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan kepimpinan guru besar dan pengetua di dua buah sekolah di daerah Batu Pahat, Johor. Kajian ini adalah berdasarkan kepada teori kepimpinan transformasi yang diasaskan oleh Burns (1978). Sebanyak empat komponen kepimpinan transformasi yang dikaji oleh penyelidik iaitu karismatik, pertimbangan individu, stimulasi intelek dan inspirasi motivasi. Seramai 76 responden daripada dua buah sekolah di daerah Batu Pahat yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dan data mentah yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan perisian “ Statistical Package of the Social Science” (SPSS), Version 14.0. Penganalisan dibuat secara kaedah statistik deskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan anova.

Katakunci : guru besar, kepimpinan transformasi, pengetua

Pengenalan

Pemimpin mempunyai peranan yang sangat besar dalam menentukan tahap kecemerlangan atau kejayaan sesuatu organisasi yang dipimpinya. Para pemimpin akan menentukan arah tuju masa depan organisasinya. Cabaran utama yang dihadapi oleh para pemimpin ialah bagaimana hendak mempengaruhi individu-individu yang dipimpinya supaya menyokong visi, misi dan strategi-strategi yang digubalnya itu. Pemimpin wujud untuk mencipta dan menangani perubahan. Menurut Bennis dan Nanus (1985), mengatakan para pemimpin adalah individu-individu yang membuat perkara-perkara yang betul sahaja. Dengan kata lain, pemimpin mementingkan perkara, manakala pengurus pula mementingkan cara.

Oleh itu, keupayaan dan kebolehan mereka dalam menghadapi dan menangani situasi ini memerlukan pelbagai alternatif. Menurut Pertubuhan Pentadbiran dan Pengurusan Pendidikan Malaysia (PPPPM), Institut Aminuddin Baki , mengatakan bahawa kepimpinan sekolah yang cemerlang, berwibawa, mantap dan perihatin bertunjangan kepada adanya penguasaan ilmu, kemahiran dan kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran tugas.

Menurut Burns (1978), dalam Ainon dan Abdullah (2003), kepimpinan yang dikemukakan oleh beliau yang mana teorinya telah disokong oleh pakar seperti Bernard Bass (1990), mengatakan seseorang pemimpin itu telah mengamalkan gaya kepimpinan transformasi apabila dia berjaya mengubah sikap individu-individu yang dipimpinya daripada sikap mengutamakan kepentingan diri sendiri kepada mementingkan kelompok. Perubahan ini terjadi apabila mereka dengan sukarela sanggup bekerja dan berjuang demi mencapai tujuan dan matlamat organisasinya.

Dalam konteks sekolah, guru besar atau pengetua merupakan individu yang penting dan berpengaruh serta mempunyai peranan yang besar dalam mewujudkan suasana pembelajaran, tahap profesionalisme, perhubungan antara kakitangan dan tahap keperihatinan mereka terhadap perubahan suasana yang berlaku di sekolah dan persekitaran

Pernyataan Masalah

Kepimpinan yang cemerlang daripada guru besar dan pengetua sangat diperlukan di dalam mentadbir sekolah. Beliau bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pengurusan sekolah malah kepada para guru dan para pelajar. Keberkesanan sesebuah sekolah sangat bergantung kepada tahap dan gaya kepimpinan pengetua atau guru besar yang diamalkan. Gaya kepimpinan yang ingin ditekankan di sini ialah kepimpinan transformasi. Kepimpinan transformasi yang diamalkan oleh guru besar dan pengetua boleh mendorong guru-guru mengubah nilai dan sikap mereka supaya mempunyai komitmen terhadap misi dan visi pendidikan.

Objektif Kajian

Objektif-objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah :

1. Mengenalpasti tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi iaitu karismatik, pertimbangan individu, stimulasi intelek dan inspirasi motivasi bagi guru besar dan pengetua di dua buah sekolah di daerah Batu Pahat, Johor.
2. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan persepsi guru berdasarkan jantina terhadap tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua di dua buah sekolah di Batu Pahat, Johor.
3. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan persepsi guru berdasarkan kaum terhadap tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua di dua buah sekolah di Batu Pahat, Johor.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana tahap amalan kepimpinan transformasi guru besar di dua buah sekolah di daerah Batu Pahat, Johor. Hasil kajian dan maklumat yang diperolehi ini penting untuk rujukan pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung seperti guru besar, pengetua sekolah, guru-guru penolong kanan, ketua-ketua sesuatu organisasi seperti ketua panitia atau ketua bidang dan persatuan, guru-guru dan sebagainya.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan deskriptif. Menurut rekabentuk yang disarankan oleh Cohen dan Mainon (1985), dalam Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2003) , kajian berbentuk tinjauan deskriptif adalah sesuai digunakan di dalam penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan peristiwa atau keadaan yang sedang berlaku dengan mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja dan selalunya menggunakan soal selidik. Di dalam kajian ini, fenomena yang dikaji ialah amalan kepimpinan transformasi guru besar di dua buah sekolah di daerah Batu Pahat, Johor. Segala rumusan terhadap objektif kajian adalah dibuat berdasarkan respon yang diberikan oleh respon terhadap semua pernyataan yang terkandung di dalam borang soal selidik yang diedarkan.

Sementara itu, menurut Mohd Najib (1999), kaedah tinjauan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan keadaan perhubungan antara dua pemboleh ubah. Terdapat dua pemboleh ubah yang akan digunakan dalam kajian ini, iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar yang akan digunakan dalam kajian ini ialah tahap amalan kepimpinan transformasi, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah faktor-faktor demografik iaitu jantina, kaum, dan tempoh bertugas sebagai guru besar atau pengetua yang dijadikan sebagai responden.

Sampel dan Tempat Kajian

Penyelidikan bertujuan untuk mengkaji tahap amalan kepimpinan transformasi guru besar di dua buah sekolah di daerah Batu Pahat. Oleh itu, penyelidik akan memilih semua guru yang bertugas di dua buah sekolah tersebut 76 orang sebagai sampel kajian dan akan menilai berkaitan tahap amalan kepimpinan guru besar mereka melalui soal selidik yang akan diedarkan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan di dalam kajian untuk menguji sesuatu persoalan. Ia adalah berbentuk soal selidik kerana ia bersesuaian dengan kaedah kajian di samping menjimatkan masa dan kos penyelidikan. Mengikut Oppenheim (1966), di dalam Mohamad Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang.

Menurut Mohd Majid (1990), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Soal selidik juga merupakan satu instrument yang kerap digunakan dalam kajian diskriptif menerusi kaedah ini, kerjasama daripada responden senang diperoleh. Mereka bebas membuat pemilihan dan menilai mengikut keperluan soal selidik.

Penyelidik berpendapat pemilihan soal selidik sebagai instrumen adalah berdasarkan beberapa sebab iaitu;

- 1) Untuk memperoleh data yang lebih tepat dan responden dapat memberikan maklum balas yang lebih cepat terhadap perkara yang ingin dikaji berbanding dengan kaedah lain.
- 2) Penyelidik boleh berhubung atau bekerjasama dengan para Responden dengan lebih mudah.
- 3) Menjimatkan masa, tenaga , serta perbelanjaan.

Satu set soal selidik telah disediakan di mana ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

i) **Bahagian A** : Terdiri daripada maklumat latar belakang responden dan maklumat latar belakang guru besar yang perlu diisi oleh responden tersebut iaitu maklumat jantina, kaum, dan tempoh memegang jawatan sebagai guru besar atau pengetua.

ii) **Bahagian B** : Terdiri daripada 40 item soalan berkaitan persoalan kajian telah ditetapkan. Item-item ini terbahagi kepada empat komponen utama transformasi iaitu karismatik, pertimbangan individu, stimulasi intelek, dan inspirasi motivasi. Bahagian ini perlu dijawab oleh para guru untuk menilai tahap amalan kepimpinan transformasi guru besar mereka. Pilihan jawapan kepada responden adalah menggunakan kaedah Skala Likert.

Skala Likert yang digunakan adalah bagi mengenalpasti tahap kekerapan tingkah laku pemimpin transformasi mengikut persepsi guru-guru yang dipimpinnya. Skala Likert digunakan kerana ia boleh mengumpul maklumat mengenai persetujuan responden terhadap item-item yang digunakan. Menurut Mohamad Najib (1999), mengatakan bahawa responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem yang lain, contohnya dari ' sangat setuju ' kepada ' sangat tidak setuju'. Jadual 1 di bawah menunjukkan skor yang digunakan bagi Skala Likert tersebut.

Jadual 1 : Skor bagi Skala Likert (dipetik dari Mohd Najib Ghafar,1999)

Simbol	Pernyataan	Skor
SS	Sangat Setuju	5
S	Setuju	4
TP	Tidak Pasti	3
TS	Tidak Setuju	2
STS	Sangat Tidak Setuju	1

Manakala Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan dan jumlah item bagi setiap komponen kepimpinan transformasi di dalam soal selidik bahagian B.

Jadual 2 : Taburan dan jumlah item dalam soal selidik

Komponen Kepimpinan Transformasi	Nombor Item	Jumlah Item
Karismatik	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12	12
Pertimbangan Individu	13,14,15,16,17,18,19,20,21,22	10
Stimulasi Intelek	23,24,25,26,27,28,29,30	8
Motivasi Inspirasi	31,32,33,34,35,36,37,38,39,40	10
Jumlah item keseluruhan		40

Item-item bagi kajian soal selidik ini dibina dengan merujuk kepada soal selidik daripada tesis asal Lim Khin Yan (2002), iaitu, '*Pengalaman kepimpinan transformasi di kalangan guru tingkatan mengikut persepsi pelajar*'. Tetapi bagi kajian ini, penyelidik telah merujuk soal selidik daripada penyelidikan yang telah diubahsuai oleh Norbaizura Ali (2007), iaitu, '*Amalan kepimpinan transformasi guru besar di dua buah sekolah di Johor Bahru*'. Soal selidik yang digunakan oleh penyelidik meruakan salah satu soal selidik *Multifactor Leadership Questionnaire* dan versi asal soal selidik tersebut telah digunakan oleh Avolio dan Bass (1988) bagi mengukur gaya kepimpinan transformasi. Soal selidik ini telah diterjemahkan oleh penyelidik Uthman B. Yunus yang merupakan penyelidik ini ke Bahasa Melayu (Lim Khin Yan, 2002).

Namun begitu, item-item di dalam soal selidik tersebut diubahsuai mengikut kesesuaian kajian dan responden yang terlibat. Soal selidik yang digunakan mempunyai 40 item sahaja. Menurut Norbaizura Ali (2007), proses pengubahsuaian yang telah dilakukan mesti mengambilkira perkaitan antara empat komponen kepimpinan transformasi iaitu karismatik, pertimbangan individu, stimulasi intelek, dan motivasi inspirasi sahaja yang dirujuk.

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian percubaan yang telah dilakukan pada 30 Julai 2007 kepada guru-guru PKPG Kemahiran Hidup yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), seramai 10 orang responden yang telah dipilih sebelum membuat kajian sebenar . Kajian rintis adalah bertujuan untuk mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan item-item

yang dipilih oleh penyelidik untuk menjalankan kajian. Ia juga dapat mengesan item-item yang tidak sesuai dan boleh mengelirukan responden dari sudut kejelasan maksud item-item tersebut. Mengikut kajian rintis yang telah diberikan kepada responden dan soal selidik tersebut telahpun dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Sosial Science , Versi 14.0 for Windows*) bagi mengetahui sejauh mana kesahan dan kebolehpercayaan item-item tersebut dibina. Dapatan daripada analisis kajian rintis yang telah dibuat melalui ujian statistic Cronbach's Alpha menunjukkan nilai 0.938 secara keseluruhan item sebanyak 40 item.

Sementara itu , penyelidik juga menganalisis setiap item secara purata untuk menentukan nilai bagi item-item tersebut dan di dapati analisis memberikan nilai antara 0.934 hingga 0.940 dari item 1 hingga item yang ke -40. Manakala untuk analisis bagi item-item komponen kepimpinan karismatik ialah 0.812, komponen pertimbangan individu ialah 0.934, komponen stimulasi intelek ialah 0.803 , dan komponen motivasi inspirasi motivasi memperoleh nilai 0.914.

Menurut Mohd . Majid (1990), soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan melebihi 0.7 atau sama dengannya boleh digunakan sebagai alat pengukur dalam sesuatu kajian. Manakala menurut Mohamad Najib (1998) , mengatakan nilai Cronbach's Alpha 0.8 hingga 1.0 menunjukkan item-item dalam soal selidik itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan membolehkan item-item tersebut diterima sebagai alat pengukuran.

Analisis Data

Jadual 3 : Analisis Anova satu hala: perbezaan persepsi berdasarkan jantina guruguru terhadap terhadap tahap amalan kepimpinan transformasi guru besar atau pengetua.

Sumber	df	F	P (aras signifikan)
Antara kumpulan	1	0.607	0.935
Dalam kumpulan	76		

Aras signifikan pada aras =0.05

Berdasarkan Jadual 3 analisis Anova satu hala di atas, didapati bahawa nilai P yang diperoleh ialah 0.935, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina guru-guru terhadap tahap amalan kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua. Oleh itu, hipotesis nol ini diterima.

Jadual 4 : Analisis Anova satu hala: perbezaan persepsi berdasarkan jantina guru-guru terhadap terhadap tahap amalan komponen kepimpinan karismatik guru besar atau pengetua..

Sumber	df	F	P (aras signifikan)
Antara kumpulan	1	0.733	0.484
Dalam kumpulan	76		

Aras signifikan pada aras =0.05

Berdasarkan Jadual 4 analisis Anovasatu hala di atas, didapati bahawa nilai P yang diperoleh ialah 0.484, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina guru-guru terhadap tahap amalan komponen kepimpinan karismatik guru besar dan pengetua. Oleh itu, hipotesis nol ini diterima.

Jadula 5 : Analisis Anova satu hala: perbezaan persepsi berdasarkan jantina guruguru terhadap terhadap tahap amalan komponen kepimpinan pertimbangan individu guru besar atau pengetua.

Sumber	df	F	P (aras signifikan)
Antara kumpulan	1	0.199	0.040
Dalam kumpulan	76		

Aras signifikan pada aras = 0.05)

Berdasarkan Jadual 5 analisis Anovasadu hala di atas, didapati bahawa nilai P yang diperoleh ialah 0.040, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 iaitu (5%). Oleh yang demikian, terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina guru-guru terhadap tahap amalan komponen kepimpinan karismatik guru besar dan pengetua. Oleh itu, hipotesis nol ini ditolak.

Jadula 6 : Analisis Anova satu hala: perbezaan persepsi berdasarkan jantina guru-guru terhadap terhadap tahap amalan komponen kepimpinan stimulasi intelek guru besar atau pengetua.

Sumber	df	F	P (aras signifikan)
Antara kumpulan	1	0.496	0.067
Dalam kumpulan	76		

Aras signifikan pada aras= 0.05)

Berdasarkan Jadual 6 analisis Anova satu hala di atas, didapati bahawa nilai P yang diperoleh ialah 0.067, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 iaitu (5%). Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina guru-guru terhadap tahap amalan komponen kepimpinan karismatik guru besar dan pengetua. Oleh itu, hipotesis nol ini diterima.

Jadual 7 : Analisis Anova satu hala: perbezaan persepsi berdasarkan jantina guruguru terhadap terhadap tahap amalan komponen kepimpinan inspirasi motivasi guru besar atau pengetua.

Sumber	df	F	P (aras signifikan)
Antara kumpulan	1	0.458	0.233
Dalam kumpulan	76		

Aras signifikan pada aras = 0.05)

Berdasarkan Jadual 7 analisis Anova satu hala di atas, didapati bahawa nilai P yang diperoleh ialah 0.233, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 iaitu (5%). Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina guru-guru terhadap tahap amalan komponen kepimpinan karismatik guru besar dan pengetua. Oleh itu, hipotesis nol ini diterima.

Jadula 8 : Analisis Anova satu hala: perbezaan persepsi berdasarkan kaum guruguru terhadap terhadap tahap amalan komponen kepimpinan transformasi guru besar atau pengetua.

Sumber	df	F	P (aras signifikan)
Antara kumpulan	1	0.882	0.650
Dalam kumpulan	76		

Aras signifikan pada aras = 0.05)

Berdasarkan Jadual 8 analisis Anova satu hala di atas, didapati bahawa nilai P yang diperoleh ialah 0.650, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 iaitu (5%). Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina guru-guru terhadap tahap amalan komponen kepimpinan karismatik guru besar dan pengetua. Oleh itu, hipotesis nol ini diterima.

Analisis Data

Untuk menjawab persoalan kajian satu di atas, data telah dianalisis dan keputusan menunjukkan skor min bagi; (1) komponen kepimpinan karismatik ialah 4.019 berada pada tahap tinggi, (2) komponen kepimpinan pertimbangan individu mendapat skor min 3.762 berada pada tahap tinggi, (3) komponen kepimpinan stimulasi intelek dengan skor min 3.845 juga berada pada tahap tinggi, manakala komponen kepimpinan inspirasi motivasi dengan skor min 3.991 pun berada pada tahap tinggi. Daripada skor min yang diperoleh menunjukkan tahap amalan kepimpinan transformasi berada pada tahap yang tinggi dalam kepimpinan yang diamalkan oleh guru besar dan pengetua yang dikaji.

Sementara bagi komponen kepimpinan stimulasi intelek pula mendapat skor tertinggi 4.07 iaitu pada item , beliau menggalakkan komunikasi dua hala dalam organisasi. Manakala untuk komponen kepimpinan inspirasi motivasi pula memperoleh skor min yang tertinggi iaitu 4.14 bagi item yang mengatakan bahawa guru besar atau pengetua mereka merangsang guru-guru bekerja bersungguhsungguh melalui visi dan misi organisasi.

Maklumat terperinci tentang analisis Anova mengenai persepsi guru berdasarkan jantina terhadap tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua ditunjukkan dalam jadual 9 di bawah.

Jadual 9: Dapatan analisis Anova bagi persepsi guru berdasarkan jantina terhadap tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua

Subjek	F	p (aras signifikan)
Kepimpinan transformasi (keseluruhan)	0.607	0.935
Komponen Karismatik	0.733	0.484
Komponen Pertimbangan Individu	0.199	0.040
Komponen Stimulasi Intelek	0.496	0.067
Komponen Inspirasi Motivasi	0.458	0.233

Keputusan analisis Anova menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina guru-guru (responden) dalam persepsi mereka terhadap kepimpinan transformasi, komponen karismatik, komponen stimulasi intelek, dan komponen inspirasi motivasi kerana nilai signifikan yang diperoleh lebih besar daripada nilai signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 atau 5 %.. Manakala keputusan untuk komponen pertimbangan individu pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina guru-guru (responden) terhadap tahap amalan kepimpinan transformasi.

Maklumat terperinci tentang analisis Anova mengenai persepsi guru berdasarkan kaum terhadap tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua ditunjukkan dalam jadual 10 di bawah.

Jadual 10 :Dapatan Anova mengenai persepsi guru berdasarkan kaum terhadap tahap amalan empat komponen kepimpinan transformasi guru besar dan pengetua.

Subjek	F	p (aras signifikan)
Kepimpinan transformasi (keseluruhan)	0.882	0.650
Komponen Karismatik	0.608	0.547
Komponen Pertimbangan Individu	1.093	0.358
Komponen Stimulasi Intelek	1.350	0.265
Komponen Inspirasi Motivasi	0.112	0.106

Keputusan analisis Anova menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara kaum guru-guru (responden) dalam persepsi mereka terhadap kepimpinan transformasi, komponen karismatik, komponen pertimbangan individu, komponen stimulasi intelek, dan komponen inspirasi motivasi kerana nilai signifikan yang diperoleh lebih besar daripada nilai signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 atau 5%.

Rujukan

- Azman Awang (2003) dalam Ahmad Kailani Mohamed (2003).*Pengurusan Pendidikan di Sekolah*.Huraian menurut Perspektif Islam.Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof Boon, dan Abdul Rahim (2007).*Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*.Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bass, B.M (1990).*Handbook of leadership*.A survey of theory and research. New York: Free Press.
- Gronn, P.(2003). *The New Work of Educational Leaders*.New York: Paul Chapman Publishing.
- Chan Chee Kiong et. Al. (2005). *Pengalaman Kepimpinan Transformasi di Kalangan Guru Tingkatan di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Kulai, Johor*.Seminar Pendidikan Fakulti Pendidikan UTM, 15 Oktober 2005. Tidak Diterbitkan.
- Harris, A.,Day,C.,Hopkins, D.,Hadfield, M.,Hargreaves, A.,& Chapman, C.,(2003). *Effective Leadership for School Improvement*.New York and London:RoutledgeFalmer.
- Hussein Ahmad.Dr. (1992).*Kecondongan Nilai dan Gaya Domian Mengenai Kepimpinan Sekolah Menengah: Satu analisis Di Kalangan Pengetua*.Kertas Kerja 04,m.s 4-5.
- Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan (10 Mac 2007). “*Panduan Buku Pentadbiran Sekolah*”. Dimuat turun daripada http://us.geocities.com/padeat68/pengenalan_penyeliaan_P_P.htm?20073.
- John , R.D., et Al (2000). *School Leadership*.New York: Kogan Page Limited. Kamus Dewan (1993).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Baru(2002).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larry R, D. (1994).*The West Point Way of Leadership*.From learning principled leadership to practicing it.New York: Doubleday Dell Publishing Group.
- Mc Lean, J.W. and Weitzel, W. (1992).*Leadership magic,myth, or method*.New York: AMACOM Publishing
- Oppenheim(1996) dalam Mohd Najib Ghafar (1999).*Penyelidikan Pendidikan*.Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Parry .K (1996). *Transformational Leadership*.Developing an enterprising management culture.South Melbourne: Pitman Publishing.

- Rohani Abu Bakar (2003) dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993).*Pentadbiran Pendidikan*.Kuala Lumpur:Penerbit:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Sharifah Maimunah, Rohani Abdul Hamid et al. (2001). *Kepimpinan Dan Pengurusan Kurikulum Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Walsen, C.M.(2001).*Dynamics Of Leadership*.Oxford:KEND Publising Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993).*Pentadbiran Pendidikan*.Kuala Lumpur:Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.